

## PESANAN LHDNM MENJELANG TAHUN 2023

Tahun 2022 bakal melabuhkan tirainya. Kebiasaannya, banyak persediaan yang perlu dilakukan bagi menghadapi tahun baharu. Begitu juga dengan anda yang telah layak dikenakan cukai, banyak yang perlu disediakan bagi memudahkan penghantaran Borang Nyata (BN) Tahun Taksiran 2022 secara e-Filing pada tahun 2023 nanti.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita seharusnya menilai kembali apa yang kita lafazkan dalam Ikrar Rukun Negara yang keempat iaitu *Kedaulatan Undang-undang*. Sekiranya kita semua patuh kepada undang-undang negara, sudah pasti kita akan patuh kepada setiap apa yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita. Jika kita boleh patuh kepada undang-undang jalan raya untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya atau elak disaman. Kita juga perlu patuh kepada undang-undang percukaian. Jika pembayar cukai patuh, sudah pasti mereka akan menjadi seorang pembayar cukai yang bertanggungjawab.

Kebiasaannya, apabila menjelang tahun baharu, sudah pasti orang akan bertanya tentang azam baharu. Bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), azam kami adalah untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai secara sukarela dalam kalangan pembayar cukai. Setiap pembayar cukai perlu membuat persediaan awal sebelum tibanya musim e-Filing Tahun Taksiran 2022 yang akan bermula pada 1 Mac 2023 nanti.

### **Kriteria Pembayar Cukai**

Setiap individu yang layak dikenakan cukai perlu melaporkan kesemua pendapatan yang diterima kepada LHDNM. Anda bertanggungjawab untuk mendaftar nombor cukai pendapatan, melapor pendapatan tahunan dan seterusnya membayar cukai yang dikenakan.

Cukai dikenakan ke atas pendapatan individu yang menjalankan perniagaan atau profesion termasuklah Youtubers, Instafamous, Tiktokers, Influencers atau mereka

yang membuat paid review dan lain-lain. Tiada jumlah minimum ditetapkan untuk golongan ini mendaftar sebagai pembayar cukai kerana apabila mereka memulakan perniagaan atau profesion tersebut, secara automatiknya mereka ialah pembayar cukai.

Cukai juga dikenakan ke atas individu yang mempunyai pendapatan penggajian melebihi RM37,333 setahun selepas dibuat potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan layak dipotong cukai menerusi Potongan Cukai Bulanan (PCB).

Pendapatan lain seperti dividen, faedah, diskaun, sewa, royalti, premium, pencen, anuiti dan lain-lain juga dikenakan cukai. Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan yang dicukai ini tertakluk juga kepada jumlah perbelanjaan yang layak dituntut sebagai pelepasan cukai selain daripada rebat cukai yang layak ke atas individu tersebut. Senarai lengkap pelepasan cukai boleh dirujuk di Portal Rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

### **Taksir – Fail - Bayar**

Pendaftaran nombor cukai pendapatan boleh dibuat secara dalam talian menggunakan aplikasi e-Daftar menerusi MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/>. Setelah anda mempunyai Nombor Cukai Pendapatan, anda bertanggungjawab untuk lapor pendapatan tahunan dan seterusnya membayar cukai pendapatan yang dikenakan ke atas anda.

LHDNM memperkenalkan perkhidmatan dalam talian menerusi konsep Sistem Taksir Sendiri iaitu satu konsep Taksir – Fail – Bayar sendiri di mana pembayar cukai boleh melaporkan sendiri pendapatan bagi memudahkan urusan percukaian. Menerusi konsep ini, pembayar cukai akan menggunakan perkhidmatan dalam talian, e-Filing untuk lapor pendapatan dan membayar cukai menggunakan ByrHASiL di [mytax.hasil.gov.my](https://mytax.hasil.gov.my).

### **Persediaan e-Filing 2023**

Perkara penting yang perlu disediakan oleh pembayar cukai untuk membuat e-Filing pada tahun hadapan adalah mendapatkan Nombor PIN bagi membolehkan anda menggunakan e-Filing. Jika masih belum ada, permohonan secara dalam talian boleh dibuat menerusi Borang Maklum Balas Pelanggan.

Memandangkan LHDNM memberi kepercayaan kepada anda untuk mengira sendiri cukai, anda juga perlu jujur apabila membuat tuntutan pelepasan cukai. Pastikan setiap pelepasan yang dituntut mempunyai rekod perbelanjaan dan rekod tersebut perlu disimpan selama tujuh tahun bagi tujuan audit (sekiranya perlu). Senarai pelepasan cukai yang terkini boleh dirujuk menerusi Portal Rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

Pastikan anda membayar tunggakan cukai (sekiranya ada) selewatnya pada 30 Disember 2022 bagi mengelakkan anda dikenakan sebarang tindakan undang-undang oleh LHDNM.

Pastikan anda buat catatan tarikh penting penghantaran BN menerusi e-Filing Tahun Taksiran 2022 yang akan bermula pada 1 Mac 2023. Tarikh akhir penghantaran Borang BE bagi Individu Berpendapatan Penggajian adalah pada 30 April 2023. Bagi Individu Berpendapatan Perniagaan pula, mereka perlu menghantar Borang B sebelum 30 Jun 2023.

### **Cukai Demi Manfaat Semua**

Kutipan cukai adalah bertujuan untuk menyumbang kepada kewangan awam, membiayai perbelanjaan negara dan entiti lain termasuk perkhidmatan awam seperti pembinaan infrastruktur termasuk elektrik, jalan raya, lapangan terbang dan pelabuhan. Selain itu, cukai juga adalah untuk membiayai penyediaan perkhidmatan kesihatan awam, pendidikan, pertahanan, sistem perlindungan sosial dan banyak lagi.

Kutipan cukai sebenarnya bergantung kepada tahap pematuhan seseorang individu itu sendiri. Jika mereka patuh kepada cukai dan undang-undang yang ditetapkan, sudah pasti kutipan cukai juga akan meningkat dan mampu mencapai sasaran tahunan yang ditetapkan oleh kerajaan. Seterusnya, mampu memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia.

### **Kesimpulan**

Cukai merupakan tanggungjawab bersama antara kerajaan dan rakyat. Tanggungjawab rakyat adalah untuk memberi sumbangan cukai kepada kerajaan bagi memastikan perbelanjaan pembangunan dan mengurus negara ini mencukupi. Dan kerana itu jugalah LHDNM menggunakan slogan 'Andalah Wira Negara' sejak sekian lama bagi menterjemahkan penghargaan kepada rakyat Malaysia melalui peranan mereka sebagai pembayar cukai.

Tunaikan tanggungjawab untuk lapor dan bayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Sumbangan anda bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan undang-undang cukai semata-mata tetapi sebaliknya tanamkan kesedaran dan mari bersama-sama bekerjasama dengan kerajaan untuk membangunkan negara demi kemakmuran bersama. Terima kasih kerana bersama-sama membangunkan negara.